

'Pemegang 2 kerakyatan kena buat pilihan'

BANGKOK: Malaysia sedia menerima rakyat Thailand sebagai warga negaranya jika mereka dapat membuktikan memiliki kerakyatan negara ini, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Beliau berkata, persetujuan dicapai Malaysia dan Thailand berhubung isu itu dengan hanya mereka yang mempunyai dua kerakyatan akan dipertimbangkan untuk memilih, sama ada menjadi rakyat Malaysia atau Thailand.

"Ya, kita akan terima kerana dia adalah warga negara Malaysia, cuma ada dua kerakyatan. Dia (perlu) pilih sama ada nak (jadi) warga negara Thailand atau Malaysia," katanya.

Bagaimanapun, Timbalan Perdana Menteri menegaskan rakyat Thailand yang tiada dua kerakyatan, tidak boleh memohon menjadi warga negara Malaysia.

Mengenai jumlahnya yang mungkin ramai untuk memilih menjadi warga negara Malaysia, Najib berkata, bilangannya belum dapat ditentukan lagi.

"Mungkin ada yang mahu menjadi rakyat Thailand dan Malaysia, terpulang kepada dia. Kalau rumah dah di sana (Thailand), mungkin nak jadi warga negara Thailand," katanya kepada wartawan Malaysia selepas mesyuarat Jawatankuasa Am Sempadan (GBC) ke-46

Malaysia-Thailand di sini, semalam.

Pada mesyuarat itu, Najib yang juga Menteri Pertahanan mempengerusikan mesyuarat berkenaan bersama Menteri Pertahanan Thailand, Jeneral Thammarak Isarangura.

Timbalan Perdana Menteri diminta mengulas lanjut berhubung kenyataannya kelmarin bahawa kedua-dua negara akan menyelesaikan isu dua kerakyatan membabitkan antara 50,000 hingga 100,000 orang yang tinggal di sempadan kedua-dua negara menerusi pembentukan jawatankuasa bersama.

Persetujuan menyelesaikan isu itu yang berlarutan dicapai pada perbincangan antara Najib dan Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra di sini, kelmarin.

Berikutan persetujuan itu, Jabatan Pendaftaran Negara dan jabatan berkaitan di Thailand akan mencari mekanisme menyelesaikan masalah dua kerakyatan itu.

Penyelesaian isu itu lebih mudah kerana rakyat Selatan Thailand kini mempunyai kad pintar yang mengandungi cap ibu jari dan ini boleh dipadankan dengan cap ibu jari rakyat Malaysia. Mereka yang ada dua kerakyatan akan dapat dikesan menerusi pemedanan cap ibu jari itu.

Mengenai kedudukan 130 rakyat Thailand yang melarikan diri ke Malaysia tahun lalu dan kini ditempatkan di Terengganu, Najib berkata, mereka tidak memohon suaka po-

litik di Malaysia.

Katanya, wakil Kerajaan Thailand diberi kebenaran berjumpa dengan mereka untuk memujuk pulang secara sukarela.

"Kita tidak menetapkan tempoh masa untuk mereka balik, mungkin bila keadaan di Thailand pulih, mungkin mereka nak balik sebab ada rumah dan sanak saudara di sana," katanya sambil menjelaskan isu berkenaan tidak dibangkitkan pada mesyuarat GBC semalam.

Terdahulu, ketika sidang media bersama Thammarak, Najib berkata, Malaysia tidak perlu membuat sebarang perjanjian ekstradisi dengan Thailand kerana hubungan politik kedua-dua negara sudah cukup baik bagi menyelesaikan sebarang isu.

"Kita tiada perancangan (adakan perjanjian) kerana ada hubungan baik," katanya sambil memberi contoh Malaysia pernah menyerahkan tahanan yang dikehendaki oleh Thailand kerana terbabit dalam kes jenayah, beberapa tahun lalu.

Sementara itu, dalam kenyataan bersama yang dibacakan oleh kedua-dua menteri, mesyuarat GBC setuju meningkatkan kerjasama dan usaha mengembalikan keamanan di sempadan termasuk bertukar maklumat dan rondaan.

Malaysia akan menjadi tuan rumah bagi mesyuarat GBC ke-47 yang akan diadakan pada Mei tahun depan.